

Hantar pelajar2 ke Jepun, Korea

# Dr. M arah siapkan laporan

PETALING JAYA, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Pelajaran menyalpkan kajian dan laporan lengkap dalam tempoh sebulan mengenai rancangan menghantar pelajar-pelajar Malaysia ke Korea

Oleh YUNUS ALIAS

Selatan dan Jepun.

Arahan tersebut disampaikan kepada Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud sebaik sahaja pengumuman mengenainya dibuat di Dewan Rakyat minggu lalu.

Jurucakap Kementerian Pelajaran memberitahu Berita Harian hari ini, laporan tersebut dijangka dikemukakan

kepada Perdana Menteri awal Februari depan.

Perdana Menteri mahu kajian segera yang menyeluruh dibuat bagi menentukan kesesuaian kursus pengajian, biasiswa, belanja hidup, suasana politik dan keadaan sosial di negara tersebut.

"Bahagian biasiswa dan taja telahpun diarah menyiapkan laporan tersebut," katanya.

Perdana Menteri ketika mengumumkan rancangan menghantar pelajar-pelajar ke Korea Selatan dan Jepun di Dewan Rakyat menekankan perlunya jumlah pengaliran pelajar yang seimbang antara Timur dan Barat.

Kedua negara tersebut, katanya mempunyai nilai hidup dan sosio budaya yang se-cocok dengan yang terdapat di Malaysia.

Dari seramai 48,384 pelajar sedang menuntut di beberapa universiti dan institusi pengajian tinggi di luar negeri cuma 8,900 orang ditaja oleh kerajaan.

Dari jumlah tersebut, 15,470 pelajar menuntut di Britain, 7,500 di Amerika Syarikat, 7,000 di India dan Kanada, 4,908 di Australia dan kira-kira 3,200 orang menuntut di New Zealand dan Taiwan.

Menurut jurucakap itu lagi, dengan langkah yang diambil itu dijangka lebih ramai pelajar akan dihantar ke Korea Selatan dan Jepun pertengahan tahun depan.

Cara pembelajaran di kedua negara itu menarik perhatian Perdana Menteri yang mahukan setiap rakyat negara ini mempunyai sikap waja terhadap negara sendiri.

Di Korea misalnya, kata jurucakap itu, tempoh pengajian bagi setahun ialah lapan bulan sahaja dan pelajar-pelajar harus menebalkan semangat disebabkan masa yang begitu suntuk untuk menghabiskan pelajaran masing-masing.

"Inilah gaya atau bentuk pembelajaran yang dimahukan oleh kerajaan baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad," ujarnya.

"Oleh kerana belanja hidup di Jepun tinggi, pastilah jumlah biasiswa yang akan diberi diseimbangkan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia